

CEFUROXIME AXETIL-ZHIJUN TABLET

Cefuroxime Axetil (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cefuroxime Axetil-Zhijun
2. Bagaimana Cefuroxime Axetil-Zhijun berfungsi
3. Sebelum mengambil Cefuroxime Axetil-Zhijun
4. Cara menggunakan Cefuroxime Axetil-Zhijun
5. Semasa menggunakan Cefuroxime Axetil-Zhijun
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cefuroxime Axetil-Zhijun
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Cefuroxime Axetil-Zhijun

Cefuroxime Axetil-Zhijun digunakan untuk rawatan jangkitan yang disebabkan oleh bakteria sensitif. Ubat ini digunakan untuk merawat jangkitan tekak, sinus, telinga tengah, paru-paru atau dada, saluran urinari, kulit dan tisu lembut, dan penyakit kelamin.

Bagaimana Cefuroxime Axetil-Zhijun berfungsi

Cefuroxime Axetil-Zhijun tergolong dalam kumpulan ubat antibiotik yang dikenali sebagai *cephalosporin*.

Bahan aktif dalam Cefuroxime Axetil-Zhijun (*Cefuroxime axetil*) berfungsi dengan membunuh bakteria (kuman) yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Cefuroxime Axetil-Zhijun

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Cefuroxime Axetil-Zhijun:

- Jika anda pernah mempunyai reaksi alahan kepada *Cefuroxime axetil cephalosporin* atau mana-mana bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini. Simptom reaksi alahan mungkin termasuk ruam pada kulit, kegatalan kulit, kesukaran bernafas, bengkak pada muka, bibir atau lidah.
- Jika anda pernah mempunyai reaksi alahan yang serius kepada *penicillin* atau lain-lain antibiotik. Anda mungkin mempunyai risiko yang

lebih tinggi untuk menjadi alah kepada Cefuroxime Axetil - Zhijun jika anda alah kepada *penicillin*.

- Sebelum mula mengambil

Anda perlu maklumkan doktor jika:

- Anda mengalami sebarang jenis reaksi alergik terhadap *penicillin* atau β -*lactams* yang lain.
- Sila rujuk kepada doktor anda sebelum menggunakan Cefuroxime Axetil-Zhijun jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan menimbangkan risiko anda mengambil Cefuroxime Axetil-Zhijun terhadap manfaat yang mereka mengharapakan untuk anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain. Ini adalah kerana Cefuroxime Axetil boleh mempengaruhi cara sesetengah ubat berfungsi. Juga, sesetengah ubat lain boleh mempengaruhi cara Cefuroxime Axetil berfungsi seperti:

- Probenecid, sejenis ubat untuk penyakit *gout*
- Pil perancang.

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai lebih maklumat tentang ubat-ubatan yang perlu diambil dengan berhati-hati atau dielakkan semasa mengambil ubat ini

Cara menggunakan Cefuroxime Axetil-Zhijun

- Berapa banyak harus digunakan

Sila mengambil ubat dengan lengkap seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Jangan berhenti hanya kerana anda berasa lebih baik, kerana ubat ini tidak semestinya telah membunuh semua kuman dan anda boleh mula rasa tidak sihat lagi.

Dos untuk dewasa :

Kebanyakan jangkitan: 250mg dua kali sehari.

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, sila bertanya doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

Dos untuk kanak-kanak

Dos biasa: 125mg dua kali sehari atau 10mg/kg dua kali sehari dengan maksimum 250mg sehari.

- Bila perlu digunakan

Cefuroxime Axetil Tablet perlu diambil selepas makan untuk penyerapan optimum.

- Berapa lama perlu digunakan

Siri rawatan terapi yang biasa adalah tujuh hari.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil suatu dos, ambil satu lagi secepat mungkin, melainkan jika waktu itu hampir masa untuk dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggenapkan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak cefuroxime axetil tablet, tandanya boleh termasuk sawan (konvulsi). Rujuk kepada doktor secepat mungkin. Bawa ubat untuk ditunjukkan kepada doktor.

Semasa menggunakan Cefuroxime Axetil-Zhijun

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan doktor jika jangkitan atau simptom anda tidak bertambah baik atau menjadi lebih teruk.
- Maklumkan doktor jika anda mengandung atau menyusu.
- Maklumkan doktor jenis ubat yang sedang anda ambil. Cefuroxime axetil boleh mengganggu keputusan sesetengah ujian darah.
- Jika anda cirit-birit dengan teruk sila memberitahu doktor, ahli farmasi atau jururawat dengan segera.

Membuat demikian walaupun berlaku beberapa minggu selepas anda berhenti mengambil tablet Cefuroxime axetil. Cirit-birit mungkin bermakna bahawa anda mempunyai keadaan yang serius yang menjejaskan usus dan mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Jangan mengambil sebarang ubat cirit-birit tanpa memeriksa dengan doktor anda.

- Jika anda mendapati mulut atau lidah putih semasa mengambil atau tidak lama selepas berhenti tablet Cefuroxime axetil, beritahu doktor anda. Juga beritahu doktor anda jika anda mendapat gatal-gatal faraj atau keputihan. Ini mungkin bermakna anda mempunyai jangkitan kulat dipanggil *thrush*. Kadang-kadang pengambilan tablet Cefuroxime axetil membolehkan kulat betumbuh dan simptom tersebut berlaku.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada sesiapa lain, walaupun jika simptomnya kelihatan serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan berhenti terapi anda hanya kerana anda berasa lebih sihat, melainkan jika dinasihatkan oleh doktor.
- Jika anda tidak menyempurnakan siri rawatan penuh yang dipreskripsikan oleh doktor, segala bakteria yang menyebabkan jangkitan mungkin tidak akan dibunuh. Bakteria itu akan terus berkembang dan membiak sehingga jangkitan tidak hilang sepenuhnya atau mungkin kembali.
- Jangan gunakan Cefuroxime Axetil-Zhijun untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor memberitahu anda untuk berbuat demikian.
- Cefuroxime axetil boleh menjadikan anda pening dan mengalami kesan sampingan yang menyebabkan anda kurang peka. Jangan memandu atau menggunakan mesin melainkan jika anda berasa sihat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Cefuroxime Axetil Tablet boleh menyebabkan kesan

sampingan, walaupun tidak setiap orang mengalaminya. Kesan sampingan biasa termasuk:

- Pertumbuhan *Candida* (sejenis kulat) yang cepat.
- Eosinophilia (peningkatan sel-sel darah putih)
- Sakit kepala
- Pening
- Gangguan system gastro-usus (seperti sakit perut, pedih ulu hati, cirit-birit, sembelit, loya)
- Peningkatan tahap enzim hati yang sementara.
- Reaksi hipersensitiviti
- Gangguan tisu subkutaneous dan kulit yang sangat jarang berlaku dan teruk seperti *Erythema multiforme*, *Stevens-Johnson syndrome*, *toxic epidermis necrolysis*

Cefuroxime Axetil-Zhijun boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Cefuroxime Axetil-Zhijun dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- Kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa lagi yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan yang lain tidak yang disenaraikan di atas juga boleh berlaku di sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Cefuroxime Axetil-Zhijun

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi cara melupuskan ubat yang tidak lagi

diperlukan. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cefuroxime Axetil-Zhijun ialah tablet putih, berbentuk kapsul, bersalut film, terukir dengan “DLX” pada satu muka dan tanpa sebarang tanda pada muka lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif dalam setiap tablet ialah 250mg *cefuroxime* sebagai *cefuroxime axetil*.

- Bahan tidak aktif

Bahan lain ialah *microcrystalline cellulose*, *croscarmellose sodium*, *sodium lauryl sulfate*, *magnesium stearate* and *colloidal anhydrous silica*. *film coating premix (Opadry 00H280001-CN)*, *purified water*

- Nombor MAL

MAL10100158AZ

Pengilang

Sinopharm Zhijun (Shenzhen) Pharmaceutical Co., Ltd.
No.16, Lanqing Yilu, Hi-tech Zone, Guanlan, Longhua New District, Shenzhen, China

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13/03/2026

Nombor Siri

BPFK(R4/1)211015/00379